



جابتني أخاً إسلام فـيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(88)

Tarikh: 9 Rabiulakhir 1447
1 Oktober 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	3 Oktober 2025 / 11 Rabiulakhir 1447
Tajuk	Peperangan Yamamah: Pengajaran dan Iktibar

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

“PERAK SEJAHTERA 2030”

**KEPADA PENGERUSI JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS
PENGUMUMAN SEBELUM AZAN PERTAMA SOLAT JUMAAT 3 OKTOBER 2025
PERKARA: “PROGRAM MOSQUE OPEN DAY 2025 & FORUM MAULIDUR RASUL”**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Dimaklumkan kepada seluruh jemaah sekalian, Masjid Sultan Idris Shah II, Masjid Negeri Perak akan menganjurkan **Program Mosque Open Day 2025 & Forum Maulidur Rasul** dengan tema *“Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah”*.

- ⌚ **Tarikh:** Ahad, 12 Oktober 2025
- 🕒 **Masa:** 6.00 pagi hingga 10.00 malam
- 📍 **Tempat:** Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) berhadapan dengan KTM Ipoh, Perak.

Antara pengisian program:

- Miles of Hope:Fun Ride For-Palestin
- Pertandingan Mewarna: Kategori: **(7 hingga 9 Tahun)** dan **(10 hingga 12 Tahun)**
- Memanah, Bowling Kelapa & Sepak Raga Bulatan (Terbuka kepada dewasa)
- Pameran Kuih Tradisional Malaysia & Demostrasi Pembuatan Kuih Tradisional Malaysia
- Malam Masjid Negeri Berselawat
- Klinik Tahsin Fatihah & Rukun Qauli
- Pameran Gaza
- Jualan Sejahtera
- Gerai Jualan
- Dan kemuncak pada malamnya, **Forum Perdana Maulidur Rasul** bertajuk *“Meneladani Kepimpinan Rasulullah SAW dalam membina Perpaduan dan Kesejahteraan Negara”*, dan cabutan bertuah.

Bagi yang berminat untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan boleh hubungi menerusi talian **016-7325035 (Ust.Azim)** atau **013-5985727 (Ust. Hasif)**.



Mari sama-sama kita imarahkan masjid, memperkuuh ukhuwah, dan meneladani kepimpinan junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"PEPERANGAN YAMAMAH: PENGAJARAN DAN IKTIBAR"

3 Oktober 2025 / 11 Rabiulakhir 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"PEPERANGAN YAMAMAH: PENGAJARAN DAN IKTIBAR"

Firman Allah SWT:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ الْأُمَرِّ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَّلُمُ فِي شَيْءٍ فَرْدُوْهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴾

Bermaksud: Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad) serta *ululamri* (orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu! kemudian jika kamu berbeza pendapat (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan Rasul Nya (sunahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagimu) dan lebih elok pula kesudahannya.

(Surah An-Nisa ayat 59)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Sempena bulan Rabiulakhir, mimbar menyeru jemaah untuk merenung satu peristiwa bersejarah yang mengandungi pengajaran dan iktibar, berlaku dalam bulan Rabiulakhir tahun ke-12 Hijrah, pada zaman pemerintahan Khalifah Saidina Abu Bakar As-Siddiq RA, iaitu Peperangan Yamamah.

Peperangan Yamamah tercetus, berpunca daripada kemunculan gerakan murtad dan kemunculan nabi-nabi palsu yang menggugat kestabilan dan mengancam keamanan negara Islam. Setelah kewafatan Rasulullah SAW, muncul pelbagai fitnah dan pemberontakan. Ada dalam kalangan orang Arab yang kembali murtad; dan ada dalam kalangan mereka yang terlalu jahil dan taksub kepada kabilah, lalu dipengaruhi hasutan ajaran sesat – fahaman melampau sehingga enggan membayar zakat; malah ada dalam kalangan mereka yang percaya kepada tipu daya, janji manis serta dakyah golongan yang mendakwa sebagai nabi.

Musailamah al-Kazzab mendakwa dirinya nabi, serta mempunyai pengikut yang ramai. Musailamah al-Kazzab bukan sahaja menolak kenabian Rasulullah SAW, malah mencabar kepimpinan Khalifah dan menyeru kepada usaha menggulingkan kepimpinan Khalifah Saidina Abu Bakar RA, untuk mengiktiraf diri dan pengikutnya sebagai pihak yang benar. Keadaan tersebut mencetuskan kekacauan dan ancaman besar kepada keutuhan negara Islam Madinah. Khalifah Abu Bakar As-Siddiq RA, dengan kebijaksanaan dan ketegasan, mengambil tindakan pantas memerangi Musailamah al-Kazzab dan pengikutnya di wilayah Yamamah.

Peperangan Yamamah bukan sekadar pertempuran fizikal, tetapi menunjukkan sikap murni para sahabat memperjuang kesucian agama dan mempertahankan kedaulatan negara. Peperangan Yamamah disertai oleh ribuan pejuang daripada kalangan sahabat Nabi dan kaum Muslimin yang taat. Angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh Khalid al-Walid menghadapi tentera Musailamah al-Kazzab yang jauh lebih ramai, mencecah 40,000 orang. Namun, dengan izin Allah SWT, umat Islam berjaya mencapai kemenangan setelah terkorban



begitu banyak nyawa, termasuk lebih 70 orang penghafaz al-Quran yang syahid di medan pertempuran.

Jemaah yang dimuliakan

Peperangan Yamamah mengandungi pengajaran yang perlu dijadikan iktibar:

Pertama: Mentaati pemimpin yang sah

Islam mewajibkan umatnya mentaati pemimpin yang dilantik secara sah selagi mana pemimpin tersebut tidak menyeru kepada perkara yang menyalahi syarak selaras dengan ayat 59 surah An-Nisa yang khatib bacakan pada awal khutbah. Ketaatan kepada pemimpin adalah sebahagian daripada ketaatan kepada Allah dan Rasul Nya. Mentaati pemimpin bukan secara membuta tuli, tetapi didasarkan pada keyakinan bahawa pemimpin yang sah menjalankan amanah untuk menjaga kesucian agama, memelihara keselamatan dan keharmonian ummah, selagi mana perintah mereka tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Kedua: Melindungi ummah daripada ancaman dan pengaruh ajaran sesat

Perang Yamamah menjadi bukti pentingnya tanggungjawab melindungi ummah daripada ancaman ajaran sesat dan pengaruh fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Setiap fahaman atau adat yang bertentangan dengan syariat harus ditolak kerana bukan sahaja menimbulkan kekeliruan malah menghakis kesucian agama, malah boleh mencetuskan kekacauan dan perpecahan dalam kalangan anggota masyarakat. Aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah satu-satunya aliran yang dijamin selamat. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan akidah umat Islam sentiasa terpelihara daripada sebarang bentuk penyelewengan.

Ketiga: Peranan ummah melaporkan kepada pihak berkuasa

Ketika menghadapi ancaman seumpama ini, ummah perlu mengambil berat dan berperanan proaktif. Ummah perlu membuat laporan dan menyalurkan maklumat



kepada pihak berkuasa apabila mengetahui adanya ajaran atau fahaman yang merosakkan aqidah dan bercanggah dengan ajaran Islam. Langkah sedemikian merupakan satu bentuk jihad untuk memelihara agama. Ummah hendaklah sama-sama mengambil tanggungjawab bekerjasama dengan pihak berkuasa, seperti yang dilakukan oleh para sahabat yang menyokong Khalifah Abu Bakar RA semasa peperangan Yamamah, untuk membendung ancaman ajaran salah sebelum merebak dan menjadi lebih parah.

Keempat: Ijtihad demi memelihara ilmu dan kebaikan ummah

Peperangan Yamamah mencetus ijtihad baru, mendorong usaha pengumpulan al-Quran dalam satu naskhah. Disebabkan ramai penghafaz al-Quran gugur syahid, timbul kebimbangan kemungkinan al-Quran boleh hilang. Atas cadangan Saidina Umar al-Khattab RA, Khalifah Abu Bakar As-Siddiq RA mengarahkan Zaid bin Tsabit untuk mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang ditulis atas lembaran kayu dan pelepas tamar dalam satu mushaf. Usaha tersebut menunjukkan pentingnya menjaga warisan ilmu. Para pemimpin harus mencontohi sikap Saidina Abu Bakar RA yang berani berijtihad demi kebaikan ummah. Ummah dalam dunia moden kini yang sarat dengan pelbagai maklumat, harus melengkapi diri dengan ilmu al-Quran, akhlak mulia dan adab murni agar tidak mudah diperalatkan.

Jemaah Rahimakumullah!

Semangat para sahabat dalam peperangan Yamamah, berjuang membela agama dan negara daripada anasir-anasir yang menggugat kesucian agama dan kestabilan negara hendaklah diteladani dan diwarisi. Kita harus sanggup berkorban masa, tenaga, dan harta benda demi agama dan negara; dijadikan sebagai sebahagian daripada jihad yang dituntut ke atas kita. Ingatlah bahawa tanggungjawab menjaga agama dan negara merupakan amanah besar. Berpegang teguhlah kepada akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah, bersatu padu di bawah kepimpinan yang sah, dan jauhi segala bentuk perpecahan dan fahaman sesat. Jadikanlah al-Quran sebagai cahaya yang membimbing setiap langkah kita.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى الْمُتَّيَّبِ إِلَيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran



إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ。اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ
بَيْنِهِمْ وَالْفَوْزَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ
اللهِ ﷺ。اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْرَاجَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينِ،
وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal'alam! Kurniai kami pemimpin bijaksana yang Ikhlas memimpin negara dan rakyat berpandukan kitab Mu dan sunnah Rasul Mu. Pelihara negara kami dari anasir dan acaman yang menggugat kesucian agama dan keharmonian negara.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fujara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِهِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.